

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : WANITA & KELUARGA

Lebih yakin jalani rawatan kanser di hospital

Kuala Lumpur: Kesedaran awal membuat pemeriksaan payudara memberi harapan kepada wanita untuk sembuh sepenuhnya daripada didiagnosis kanser yang berisiko membawa maut.

Bagi suri rumah, Yuhana Mohamad Jainul Abidin, 44, kesedaran membuat memeriksa payudara berjaya menyelamatkan dirinya daripada menghidap barah payudara kategori kronik.

Kata Yuhana, namun yang mengejutkan pemeriksaan kali pertama dilakukan ketika mandi dengan menggunakan sabun, mendapati ada ketulan pada payudara kiri.

"Sukar untuk mengiyakan, selain beranggapan mungkin perubahan kerana datang bulan, namun saya tidak berlengah melakukan pemeriksaan.

"Esoknya saya mendapatkan pemeriksaan dan doktor di klinik merujuk saya ke hospital kerana saiz benjolan itu agak memanjang. Selepas tiga hari

keputusan diperoleh di hospital menunjukkan saya menghidap barah payudara.

"Bagaimanapun, doktor yang melakukan pemeriksaan itu berterus terang dan menyarankan melakukan pembedahan pembedahan payudara atau *mastectomy*.

"Saya tidak menangis, tetapi terdiam dan terkejut dengan penjelasan itu," katanya yang didiagnosis barah payudara pada Ogos 2017 pada usia 40 tahun.

Beliau kemudian memilih *mastectomy* kerana pernah melihat sepupunya meninggal dunia dalam keadaan payudara pecah kerana barah, namun dihalang kakaknya kerana ingin mendapatkan pendapat lain.

25 kali buat radioterapi

Dalam tempoh tiga minggu, akhirnya kakak berjaya mendapatkan doktor di sebuah hospital swasta dan doktor menyarankan melakukan *lumpectomy*,

iaitu buang tisu sel barah kerana tumor bersaiz 1.5 sentimeter (sm) dan masih berada pada peringkat awal.

"Semua berjalan dengan lancar dan doktor mengatakan saya

Ramai sarankan saya mengambil itu dan ini, tetapi saya tetap dengan pendirian mendapatkan nasihat doktor



Yuhana Mohamad Jainul Abidin

menghidap *triple negative breast cancer*, jadi hormon saya semuanya negatif, reseptor negatif dan doktor memberikan saya ubat kemoterapi secara *infusi intravena*.

"Saya melalui lapan kali proses kemoterapi dan 25 kali radioterapi," katanya yang kini memastuikan tahun kelima bebas daripada barah payudara.

Beliau bersyukur kerana tindakan pantas berjaya menyelamatkan nyawa dan sentiasa mendapatkan pandangan doktor terlatih, bukannya pandangan daripada orang sekeliling apa perlu dilakukan.

"Ramai sarankan saya mengambil itu dan ini, tetapi saya tetap dengan pendirian mendapatkan nasihat doktor.

"Mereka prihatin, tetapi saya tidak mahu tanggung risiko dan lebih yakin dengan rawatan di hospital.

"Sokongan keluarga amat dihargai kerana ketika itu emosi

bercelaru, jadi tanpa mereka proses penyembuhan mungkin memakan masa lama," katanya melakukan rawatan susulan setahun sekali untuk memastikan sel barah itu tidak aktif.

Yuhana berkata, selepas menjalani pembedahan, menjaga pemakanan sihat, bersenam dan jangan terlalu memikirkan barah, penting bagi mengelak barah menyerang kembali.

"Saya ada dua anak remaja perempuan dan sentiasa memberi kesedaran melakukan pemeriksaan dan menjalani gaya hidup sihat, tambah pula ada sejarah keluarga menghidap barah.

"Emak saya barah usus rahim, datuk barah usus, kakak sulung menghidap barah servik dan sepupu barah payudara selepas mengalami bengkak susu selepas bersalin.

"Jadi, semua wanita perlu rawatan segera dan kerap buat pemeriksaan kerana ia mampu menyelamatkan nyawa," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Putrajaya: Situasi Covid-19 di negara ini dilihat semakin pulih apabila kebanyakan indikator pada minggu epidemiologi (ME) 39/2022 menunjukkan penurunan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ME 39/2022 atau dalam tempoh antara 25 September hingga Sabtu lalu itu menunjukkan kemasukan pesakit Covid-19 bagi kategori satu dan dua menurun sebanyak 7.7 peratus.

Selain itu, penurunan peratusan juga dapat dilihat bagi kemasukan pesakit ka-

Situasi Covid-19 dilihat semakin pulih



Bilangan kedatangan pesakit ke CAC menurun sembilan peratus, bilangan kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah menurun sebanyak 53.5 peratus"

Dr Noor Hisham

tegori tiga hingga lima yang menurun 13 peratus.

"Situasi itu menjadikan jumlah penggunaan katil turut menurun iaitu penurunan satu peratus pada penggunaan katil bukan kritikal dan di katil di Unit Rawatan Rapi (ICU) menurun tiga peratus.

"Selain itu, tiada perubahan atau kekal sifar peratus pada penggunaan katil di Pusat Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) serta pesakit me-

merlukan alat bantuan pernafasan (ABP) menurun 0.4 peratus," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes positif yang dipantau di Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara turut menunjukkan penurunan secara keseluruhan.

"Bilangan kedatangan pesakit ke CAC menurun sembilan peratus, bilangan kes Covid-19 baharu menjalani pemantauan di rumah menurun sebanyak 53.5 peratus manakala terdapat se-

dikit peningkatan bagi bilangan kes yang dirujuk CAC ke hospital sebanyak 8.2 peratus," katanya.

Bagi trend kes aktif harian Covid-19 dipantau secara maya (CAC Maya) pula, pada akhir ME 39/2022 ia menunjukkan penurunan 10.8 peratus berbanding minggu sebelumnya (dari 30,819 kes kepada 27,486 kes).

"Bilangan kes sembuh pada ME 39/2022 menurun 8.4 peratus (13,677 kes ke-

pada 12,534 kes), bilangan kes baharu menurun 5.2 peratus (12,963 kes kepada 12,291 kes) dan bilangan kes tempatan menurun 5.2 peratus (12,934 kes kepada 12,260 kes).

"Bilangan kes import meningkat 6.9 peratus (29 kes kepada 31 kes) serta bilangan kes kematian pada ME 39/2022 menurun 35.0 peratus (40 kes kepada 26 kes).

"Purata kes aktif setiap hari bagi ME 39/2022 adalah 24,713 iaitu ada penurunan 2.5 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Parlimen Rembau anjur jualan murah

Sambutan amat menggalakkan, orang ramai beratur seawal jam 7.30 pagi

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
SEREMBAN

Program Jualan Murah Keluarga Malaysia anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Rembau di Pasar Segar Shahril, Taman Bandar Senawang di sini pada Sabtu mendapat sambutan menggalakkan. Program yang sepatutnya bermula jam 9 pagi, terpaksa diawalkan kerana orang ramai sudah beratur sejak jam 7.30 pagi.

Sekampt 100 kampil beras 10 kilogram dan 100 papan telur yang disediakan habis terjual dalam tempoh dua jam.

Turut ditawarkan ialah 2,000 ekor ayam segar dengan harga RM15 untuk dua ekor, minyak masak paket, tepung gandum dan gula.

Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, program itu merupakan kali kelapan diadakan di kawasan parlimen berkenaan iaitu lima di DUN Kota dan tiga di DUN Paroi sejak 11 September lalu.

"Saya dapati ia mendapat sambutan luar biasa. Cuma mungkin ada penambahbaikan perlu dilakukan antaranya kita akan menyediakan

lebih banyak stok barang popular seperti beras dan telur kerana ia cepat habis.

"Bagi saya ini satu program yang berjaya di bawah Konsep Keluarga Malaysia dan ia sedikit sebanyak dapat membantu pengguna dalam keadaan kenaikan harga barang global," katanya kepada media ketika ditemui meninjau program berkenaan.

Sementara itu seorang pesara, Mohd Khairuddin Hanapah, 52, berkata, program terabit sangat memberi manfaat kepada rakyat dan perlu diperbanyakkan.

"Bila saya terbaca mengenai program ini di Facebook, saya tidak lepaskan peluang untuk datang kerana harga ditawarkan sangat murah berbanding di pasaran.

"Sekampt beras 10 kilogram dijual dengan harga RM20 dan dua ekor ayam dijual RM15. Jika di luar, kita memang tak dapat harga macam ini," katanya.

Nor Azian Mohd, 43, pula mencadangkan kerajaan supaya mengadakan program itu setiap bulan di lebih banyak kawasan di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN).

Katanya, ia sangat membantu meringankan beban rakyat lebih-lebih lagi yang mempunyai ahli keluarga ramai.

Warga Bangladesh, Mohamad Arman, 35, turut tidak melepaskan peluang untuk ke program berkenaan selepas diberitahu majikannya.

"Saya beli ayam dan telur. Nampaknya malam ini saya boleh 'kenduri' dengan kawan-kawan," katanya.



Khairy Jamaluddin meninjau barangan keperluan lain yang dijual di Pasar Segar Shahril.



Pekerja menyusun minyak masak paket sementara menunggu kedatangan pelanggan.



Khairy Jamaluddin melihat ayam segar yang dijual di Program Jualan Murah Keluarga Malaysia anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Rembau.

“

Saya dapati ia mendapat sambutan luar biasa. Cuma mungkin ada penambahbaikan perlu dilakukan antaranya kita akan menyediakan lebih banyak stok barang popular seperti beras dan telur kerana ia cepat habis.”



Pekerja Pasar Segar Shahril menyusun ayam segar dengan menetapkan harga yang lebih murah berbanding hari biasa.



Khairy Jamaluddin bertanya khabar kepada orang ramai yang berpeluang membeli barang keperluan dengan harga yang lebih murah.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Drop in number of new Covid-19 cases

KUALA LUMPUR: The number of new Covid-19 cases in the 39th epidemiological week (epi week) from Sept 25 to Oct 1 dropped 5.2% to 12,291, from 12,963 in the previous week (from Sept 18 to 24).

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 12,260 cases were recorded during the 39th epi week, down from 12,934 during the 38th epi week.

Imported cases increased by 6.9% to 31 in the 39th epi week, from 29 in the 38th epi week.

"Deaths due to Covid-19 in the 39th epi week decreased by 35% to 26 cases from 40 in the 38th epi week, while the average daily active cases for the same week dropped by 2.5% to 24,713 from the previous week," he said in a statement yesterday.

Noor Hisham also said the number of

recovery cases dropped by 8.4% to 12,534 in the 39th epi week, from 13,677.

Based on Covid-19 Assessment Centres (CAC) physical data that was reported for the 38th and 39th epi weeks, it was found that the number of patient arrivals to CAC dropped by 9%, while the number of cases undergoing home monitoring decreased by 53.5%.

On the trend of daily active Covid-19 cases that were monitored virtually, he said it dropped to 27,486 at the end of the 39th epi week, from 30,819 at the end of the previous week.

The number of cases referred by CAC to hospitals increased by 8.2% last week, while the number of admissions to public hospitals per 100,000 population in the 39th epi week recorded a decrease of 7.7% for categories

One and Two patients, while categories Three, Four and Five patients decreased by 13% from the previous week.

At the low-risk Covid-19 Treatment Centre, the 39th epi week saw a drop by 1% for usage of non-critical beds, while intensive care unit beds was at 3%.

He added that the number of Covid-19 patients requiring ventilators decreased by 0.4% in the 39th epi week.

Noor Hisham said the cumulative number of Covid-19 reported in the country since Jan 25, 2020 was 4,842,505 cases, with a cumulative number of recovery cases totalling 4,781,138.

The cumulative number of deaths due to Covid-19 is 36,374 cases, while the cumulative number of clusters is 7,081, with 13 clusters still active. - Bernama